

## **Komuniti Bajau Laut dan Tafsiran ke Atas Zon Konservasi Taman Marin**

### **Penulis:**

Noviatin Syarifuddin<sup>1</sup>, Mohamad Fauzi Sukimi<sup>2</sup>

### **Email:**

noviatin@ukm.edu.my<sup>1</sup>, fauzi@ukm.edu.my<sup>2</sup>

**Abstrak:** Agenda Pembangunan Lestari 2030 (SDGs) melalui strategi ke 14 Live Below Water iaitu inisiatif Small Island Development Goals 2014 (SIDGs) amat kurang diteliti melalui perspektif komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara khususnya dalam kajian sosiologi persekitaran. Sehubungan itu, penulisan bertujuan meneliti pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang peraturan zon konservasi perairan sebagai pembentuk kawalan sosial. Kajian melibatkan sampel komuniti Bajau-Laut di Taman Marin Tun Sakaran (Sabah, Malaysia) dan Taman Negara Wakatobi (Sulawesi Tenggara, Indonesia).

Hasil kajian memperlihatkan wujud dua realiti sosial yang berbeza tentang tafsiran pengetahuan berkaitan peraturan zon konservasi antara komuniti Bajau-Laut (Malaysia-Indonesia) dengan pihak berkuasa. Dari sisi tafsiran autoriti, komuniti Bajau-Laut mengetahui peranan struktur agensi taman marin menguatkuasakan peraturan zon konservasi sebagai alat kawalan sosial membendung amalan memancing yang tidak lestari dan aktiviti rentas sempadan yang semakin terhad.

Dari sisi tafsiran harian, interaksi sosial antara komuniti Bajau-Laut mewujudkan pemahaman yang berbeza-beza tentang pelaksanaan peraturan sistem zon konservasi meliputi zon memancing, zon larangan, zon kegunaan umum yang berada pada tahap sederhana. Kesimpulannya, takrifan autoriti kelestarian taman marin perlu difahami dengan jelas sebagai pembentuk kawalan sosial kepada anggota komuniti. Berbanding dengan takrifan harian yang mempunyai percanggahan kerana diproses melalui interaksi sosial oleh kedua-dua komuniti Bajau-Laut di Malaysia dan Indonesia. Oleh demikian, pemerihaln buku ini penting untuk penambahbaikan dasar dan amalan pengurusan taman laut di negara masing-masing.

**Kata Kunci:** Komuniti Bajau-Laut, zon konservasi, kawalan sosial, pembangunan lestari, sosiologi persekitaran



# Komuniti Bajau Laut

## dan Tafsiran ke Atas Zon Konservasi Taman Marin

KOMUNITI BAJAU LAUT DAN TAFSIRAN KE ATAS ZON KONSERVASI TAMAN MARIN



NOVIATIN SYARIFUDDIN  
MOHAMAD FAUZI SUKIMI

  
Penerbit  
UTHM

# Komuniti Bajau Laut

dan Tafsiran ke Atas  
Zon Konservasi Taman Marin



# Komuniti Bajau Laut dan Tafsiran ke Atas Zon Konservasi Taman Marin

NOVIATIN SYARIFUDDIN  
MOHAMAD FAUZI SUKIMI

  
Penerbit  
**UTHM**  
2024

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

**Penulis:** Noviatin Syarifuddin, Mohamad Fauzi Sukimi

**ISBN:** 978-629-490-027-1

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-490-027-1

# K A N D U N G A N

SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
DEDIKASI	xvii
KATA PENGANTAR	xix
PRAKATA	xxvii
BAB I PENGENALAN	1
BAB II KOMUNITI BAJAU-LAUT DI ASIA TENGGARA	
Pengenalan	5
Sejarah Perkembangan Komuniti	5
<i>Pola Perkembangan Komuniti</i>	6
<i>Aktiviti Perikanan</i>	6
<i>Kearifan Lokal</i>	7
<i>Interaksi Sosial dan Jaringan Hubungan</i>	7
Komuniti Bajau-Laut Tinjauan di Malaysia	8
Komuniti Bajau-Laut Tinjauan di Filipina	11
Komuniti Bajau-Laut Tinjauan di Indonesia	13
Rumusan	16

BAB III SISTEM ZON KONSERVASI PERAIRAN SEBAGAI ALAT KAWALAN SOSIAL	
Pengenalan	17
Kawalan Sosial dalam Ekonomi	17
Pembentukan Sistem Zon Konservasi Taman Marin sebagai Alat Kawalan Sosial	21
Sistem Zon Konservasi Perairan Taman Marin di Asia Tenggara	24
Kekangan kepada Kepatuhan Sistem Zon Konservasi	27
<i>Eksplotasi Sumber Marin</i>	28
<i>Persaingan Akses Sumber Marin dengan Penduduk Tempatan</i>	28
<i>Kurang Pengetahuan tentang Usaha Konservasi</i>	29
<i>Kepercayaan dan Amalan Spritual</i>	30
<i>Isu Kewarganegaraan</i>	31
Rumusan	32
BAB IV KONSEP SOSIOLOGIKAL TAFSIRAN AUTORITI DAN TAFSIRAN HARIAN	
Pengenalan	35
Tafsiran Autoriti ( <i>Authority-Defined</i> ) terhadap Sistem Zon Konservasi Taman Marin	35
<i>Agensi Taman Marin Tun Sakaran sebagai Pembentuk Autoriti</i>	36
<i>Agensi Taman Nasional Wakatobi sebagai Pembentuk Autoriti</i>	45
Tafsiran Harian ( <i>Everday-Defined</i> ) terhadap Sistem Zon Konservasi Taman Marin	50
Rumusan	59
BAB V PENTUTP	
Pengenalan	61
Pengalaman Mendekati Komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara	61

Memahami Isu Komuniti Bajau-Laut daripada Perspektif Sosiologi Persekitaran	67
<i>Leave No One Behind</i> : Pembangunan Taman Marin yang Inklusif	69
Rumusan	71
RUJUKAN	73
BIODATA PENGARANG	89
INDEKS	91

# SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Terbitan Berautoriti yang menjadi Tafsiran Autoriti kepada Pemerintah	48
Jadual 4.2	Perbandingan Tafsiran Harian Komuniti Bajau-Laut berkaitan Pemahaman Inisiatif Skim Zon Konservasi di Asia Tenggara	55

# SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Taburan Komuniti Bajau-Laut di Sabah, Malaysia	9
Rajah 2.2	Taburan Komuniti Bajau-Laut di Filipina	12
Rajah 2.3	Taburan Komuniti Bajau-Laut di Indonesia	14
Rajah 3.1	Bentuk Kawalan Sosial	18
Rajah 3.2	Aspek-aspek Kawalan Sosial	19
Rajah 4.1	Logo Taman-Taman Sabah	36
Rajah 4.2	Peta Taman Marin Tun Sakaran	37
Rajah 4.3	Kronologi Penubuhan Taman Marin Tun Sakaran	40
Rajah 4.4	Tafsiran Autoriti Agensi Taman Marin melalui <i>Marine Protection Area</i> (MPA)	41
Rajah 4.5	Kempen PRIDE TMTS dan TNW	42
Rajah 4.6	Logo Taman Nasional Wakatobi	45
Rajah 4.7	Peta Lokasi Taman Nasional Wakatobi	46
Rajah 4.8	Kedudukan Taman-taman Marin Asia Tenggara melalui Inisiatif <i>Coral Triangle Day</i>	46
Rajah 4.9	Peta Zon Taman Nasional Wakatobi	47

Rajah 4.10	Kawasan Kajian melibatkan Taburan Pola Petempatan Komuniti Bajau-Laut di Malaysia dan Indonesia	51
Rajah 4.11	Taburan Umur Komuniti Bajau-Laut di TMTS dan TNW	52
Rajah 4.12	Taburan Tahap Pendidikan Komuniti Bajau-Laut di TMTS dan TNW	53

# SENARAI FOTO

Foto 4.1	Taklimat Kesedaran Awam tentang Kempen Anti Penggunaan Bom Ikan	43
Foto 4.2	Terbitan Penyelidik Antarabangsa	44
Foto 4.3	Strategi Pemasaran Sosial Taman Negara Indonesia	44

# SENARAI SINGKATAN

AFMA	<i>Australia Fisheries Management Activities</i>
AD	<i>Authority-Defined</i>
CRT	<i>Coral Reef Triangle</i>
CTI	<i>Coral Triangle Initiative</i>
ED	<i>Everyday-Defined</i>
ESSZONE	<i>Eastern Sabah Safety Zone</i>
FSSK	<i>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan</i>
MCS	<i>Marine Conservation Society</i>
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MPA	<i>Marine Protected Area</i>
SIDP	<i>Semporna Island Darwin Initiative Project</i>
TMTS	<i>Taman Marin Tun Sakaran</i>
TNC	<i>The Nature Conservation</i>
TNW	<i>Taman Negara Wakatobi</i>
UNCLOS	<i>United Nation Convention on the Laws of Sea 1982</i>
UKM	<i>Univerisit Kebangsaan Malaysia</i>
UPM	<i>Universiti Putra Malaysia</i>
WWF	<i>Worldwide Fund for Nature</i>
ZEE	<i>Zon Eksklusif Ekonomi</i>

# DEDIKASI



*Bismillahirrahmanirrahim*

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah Lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda sekalian. Alhamdulillah, syukur dengan limpah kurnia-Nya, penulisan buku ini berjaya disempurnakan. Perjalanan melaksanakan kerja lapangan melibatkan Komuniti Bajau-Laut di Malaysia dan Republik Indonesia ini tentunya tidak mudah tanpa adanya doa, bantuan dan hubungan sosial yang baik dengan anggota komuniti. Sungguhpun begitu, semangat menjalankan kerja lapangan tidak pernah luntur untuk mendedikasikan sebuah pengalaman lapangan yang bertajuk Komuniti Bajau-Laut dan Tafsiran Ke Atas Zon Konservasi Taman Marin.

Penghargaan yang tidak ternilai diucapkan kepada Allahyarhamah Prof. Dr. Rahimah Abdul Aziz yang bersama-sama menyelia sehingga menerbitkan beberapa artikel tentang berkaitan kajian ini. Ucapan terima kasih kepada Profesor. Ulung Shamsul Amri Baharuddin, Profesor. Dr. Kadaruddin Aiyub, Prof. Dr. Novel Lyndon, Dr. Azlina Abdullah yang sudi menukulkan kata pengantar bagi memberi refleksi tentang buku ini. Sesungguhnya, hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas kebaikan atas sumbangan buah fikiran yang bermakna ini.


Penyelidikan berdasarkan makmal sosial komuniti Bajau-Laut ini tidak terhasil tanpa adanya penglibatan komuniti sebagai informan yang sudi untuk ditemu bual. Pengalaman bersama-sama dengan penulis sehingga selesai penerbitan buku ini amatlah dihargai. Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli keluarga penulis yang memberi sokongan semasa penghasilan buku ini. Penghargaan juga dirakamkan kepada UKM yang membenarkan geran penyelidikan GGPM-2012-040 menyumbangkan sebahagian daripada dana geran ke arah penerbitan buku ini. Sekalung ucapan terima kasih kepada pensyarah Program Antropologi & Sosiologi yang memberi galakan kepada penghasilan buku. Tidak dilupakan juga kepada para pembaca yang sudi menggunakan buku ini sebagai bahan rujukan umum.

Akhir sekali, sebagai penutup dedikasi, tidak ada gading yang tidak retak. Begitulah juga penulis sebagai pencinta ilmu yang mempunyai kelemahan dan kekhilafan tersendiri, baik secara sengaja mahupun tidak disengajakan.

***Noviatin Syarifuddin, PhD***

***Mohamad Fauzi Sukimi, PhD***

# KATA PENGANTAR



Salam tahniah dan syabas diucapkan kepada penulis buku ini! Manuskrip ini menawarkan realiti sosial komuniti Bajau-Laut Asia Tenggara yang dianalisis menggunakan dua konsep sosiologikal sebagai alat analisis iaitu *authority-defined* dan *everyday-defined* (Shamsul A.B, 1996). Sebagai ahli Antropologi dan Sosiologi, dua konsep ini signifikan dijadikan sebagai landasan meneroka *worldview* anggota komuniti yang menjadi kajian kes buku ini. Tidak keterlaluan memperkatakan bahawa dua konsep ini penting kerana saya turut menyelitkan konsep dalam syarahan Profesor Pelawat di *Centre national de la recherche scientifique* (CNRS) (Perancis), *Bielefeld University* (Jerman), *Tsukuba University*, *Osaka University* dan *Kyoto University* (Jepun), *Leiden University* (Belanda), *Lund University* (Sweden), Universitas Padjadjaran (Indonesia), *National University of Singapore*, *University of*

Hawaii, Harvard University (USA), University of Melbourne dan Monash University (Australia). Umumnya, buku ini sesuai dijadikan sebagai panduan kepada pelajar Sains Sosial khususnya Antropologi dan Sosiologi, Sains Politik dan Pembangunan Komuniti bagi memahami perubahan identiti komuniti Bajau-Laut kesan daripada proses pembangunan taman marin melibatkan komuniti antara tiga negara di Asia Tenggara. Bagi pembuat dasar, polisi dan ahli akademik pula, buku ini signifikan dijadikan sebagai bacaan umum untuk meneliti elemen kesejahteraan komuniti minoriti dengan matlamat Agenda Pembangunan Lestari 2030 (SDGs 2030).

**PROF. ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN FASc (AKA SHAMSUL A.B.)**

**Pengarah dan Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) UKM**

**Felo Akademi Sains Malaysia**

**Kursi UNESCO @ UKM (Komunikasi dan Kesepaduan Sosial)**

# KATA PENGANTAR



Salam Universiti Watan dan Salam Malaysia Madani! Isu-isu alam sekitar dan senario konflik hubungan manusia dengan persekitarannya merupakan fenomena sosial yang sentiasa relevan untuk dirasionalkan dalam mana-mana kajian berorientasi Sains Sosial dan Kemanusiaan. Tidak dinafikan bahawa sememangnya ilmu Sosiologi amat penting bagi menganalisis kehidupan sosial manusia yang berhadapan dengan pelbagai kancas perubahan sosial sehingga menuntut manusia untuk melakukan penyesuaian dan transformasi kehidupan. Penulisan tesis Sarjana Falsafah (MPhil) yang dibukukan sebagai karya ilmiah sebegini merupakan satu usaha bagi memotivasikan pelajar dan pensyarah untuk menerbitkan hasil penyelidikan yang berimpak tinggi kelak. Tambahan pula, pelajar ini dibimbing oleh pensyarah tersohor FSSK yang merupakan alumni sulung UKM tahun 1974 iaitu Allahyarhamah

Prof. Dr. Rahimah Abdul Aziz dan Dr. Mohamad Fauzi Sukimi yang berpengalaman dalam bidang Sosiologi. Penerbitan buku ini selari dengan salah satu matlamat Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) iaitu untuk Memajukan Siswazah Yang Mengimbangi Ilmu Asas dan Gunaan.

**PROFESOR DR. HAJI KADARUDDIN AIYUB**

***Dekan***

***Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia***

# KATA PENGANTAR



Salam Malaysia Madani dan salam perpaduan! Sekalung ucapan tahniah kepada penerbitan buku yang dihasilkan oleh salah seorang warga SEEDS di bawah program Antropologi dan Sosiologi, FSSK, UKM. Orientasi penulisan buku yang diwacana menggunakan pendekatan *authority-defined* dan *everyday-defined* bagi memerihalkan pembangunan taman marin dan impak kepada komuniti Bajau-Laut sebagai kajian kes sangat menarik untuk dijadikan bacaan umum. Pada pengamatan saya, pendekatan kajian fenomenologi dengan pemerihalan pengalaman komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara yang berhadapan dengan penstrukturan sistem zon konservasi perairan adalah sangat menarik. Apatah lagi, penulis berupaya memahami, menerokai dan mengaplikasi teori dan konsep sosiologikal dengan berkesan. Semoga usaha menerbitkan bacaan umum sebegini memotivasi warga SEEDS untuk terus berkarya bagi berkongsi hasil kajian empirikal dengan masyarakat. Hal ini bersesuaian dengan

Falsafah TERAS UKM sebagai Universiti Watan yang memartabatkan Bakat (*Talent*), Etika (*Ethics*), Memperkasa (*Revitalise*), Tangkas (*Agile*) dan Jiwa (*Soul*) dalam setiap perkara.

**PROF. DR. NOVEL LYNDON**

***Pengerusi,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS),  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia***

# KATA PENGANTAR



Tahniah kepada penulis atas usaha yang baik! Naskah buku karya ilmiah hasil penulisan pelajar dan penyelia tesis Sarjana Falsafah (MPhil) ini merupakan langkah awal bagi mengetengahkan *core business* ilmu Sosiologi dalam disiplin Sosiologi Persekitaran. Pengalaman pelajar menjalankan penyelidikan dengan mewajarkan isu konservasi perairan melalui kajian kes terhadap komuniti Bajau-Laut yang berhadapan dengan konflik persaingan ruang akibat penstrukturan sistem zon konservasi amat menarik untuk dibukukan. Penulisan yang disusun secara sistematik bermula daripada bahagian pengenalan, demografi komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara, sistem zon konservasi sebagai alat kawalan sosial, konsep-konsep asas sosiologi seperti tafsiran autoriti dan tafsiran harian sebagai alat analisis dan pengalaman menjalankan kajian kes terhadap komuniti Bajau-Laut membantu para pembaca untuk lebih cakna dengan kajian yang berorientasi ilmu

Sosiologi. Tambahan pula, dengan adanya usaha menerbitkan tesis kepada buku ilmiah sebegini tentunya akan memberi motivasi kepada pembaca khususnya pelajar Antropologi dan Sosiologi untuk komited dalam menjalankan kerja lapangan kelak. Sebagai rumusannya, buku ini adalah buku yang wajib dimiliki oleh setiap pelajar agar dapat menghayati ilmu Sosiologi dengan *core business* Persekitaran dengan lebih mudah.

**DR. AZLINA ABDULLAH**

***Ketua Program Antropologi dan Sosiologi***

***Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS)***

***Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia***

# P R A K A T A

**A**genda Pembangunan Lestari 2030 (SDGs) melalui strategi ke-14 *Live Below Water* iaitu inisiatif *Small Island Development Goals* 2014 (SIDGs) amat kurang diteliti melalui perspektif komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara khususnya dalam kajian sosiologi persekitaran. Sehubungan dengan itu, penulisan bertujuan meneliti pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang peraturan zon konservasi perairan sebagai medium kawalan sosial. Reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes melalui teknik pengumpulan data temu bual separa struktur dilaksanakan dengan melibatkan 20 orang informan. Kajian melibatkan sampel komuniti Bajau-Laut di Taman Marin Tun Sakaran (Sabah, Malaysia) dan Taman Negara Wakatobi (Sulawesi Tenggara, Indonesia).

Teknik analisis tematik melalui pengkategorian tema berdasarkan tafsiran autoriti dan tafsiran harian digunakan untuk mendeksripsi perbezaan realiti sosial komuniti Bajau-Laut. Hasil kajian memperlihatkan wujud dua realiti sosial yang berbeza tentang tafsiran pengetahuan berkaitan peraturan zon konservasi antara komuniti Bajau-Laut (Malaysia-Indonesia) dengan pihak berkuasa. Dari sisi tafsiran autoriti, komuniti Bajau-Laut mengetahui peranan struktur agensi taman marin menguatkuasakan peraturan zon konservasi sebagai alat kawalan sosial membendung amalan memancing yang tidak lestari dan aktiviti rentas sempadan yang semakin terhad.

Dari sisi tafsiran harian pula, interaksi sosial antara komuniti Bajau-Laut mewujudkan pemahaman yang berbeza-beza tentang pelaksanaan peraturan sistem zon konservasi meliputi zon memancing, zon

larangan, zon kegunaan umum yang berada pada tahap sederhana. Kesimpulannya, tafsiran autoriti kelestarian taman marin perlu difahami dengan jelas sebagai pembentuk kawalan sosial kepada anggota komuniti berbanding dengan tafsiran harian yang mempunyai percanggahan kerana diproses melalui interaksi sosial oleh kedua-dua komuniti Bajau-Laut di Malaysia dan Indonesia. Oleh yang demikian, pemerihalan buku ini penting untuk penambahbaikan dasar dan amalan pengurusan taman laut di negara masing-masing



# BABI Pengenalan

Penulisan *Komuniti Bajau-Laut dan Tafsiran ke atas Zon Konservasi Taman Marin* merupakan sebuah karya asli daripada penulisan tesis Sarjana Falsafah (MPhil) yang disunting menjadi sebuah karya ilmiah berbentuk buku. Buku ini tidak lagi mengutarakan isu-isu Komuniti Bajau-Laut sebagai *stateless society* mahupun *nomadic community*. Namun, buku ini menampilkan kelainan dengan memberi fokus kepada isu-isu berhubungkait komuniti Bajau-Laut dengan persekitarannya di sekitar perairan Sabah, Republik Indonesia dan Filipina yang dihuraikan secara ringkas dalam ruang lingkup perbincangan Asia Tenggara.

Cetusan idea penghasilan buku ini bersesuaian dengan keperluan semasa tentang kepentingan bidang sosiologi persekitaran dalam kajian kes komuniti. Melalui pengalaman menjalankan penyelidikan secara kualitatif melalui pendekatan kajian kes dan fenomenologi, buku ini berusaha menampilkan idea-idea penulisan berlandaskan ilmu sosiologi sebagai landasan ilmu. Sosiologi sebagai satu bidang ilmu yang mengkaji pola tingkah laku individu, kumpulan sosial, komuniti dan masyarakat secara umum.

Ulasan-ulasan berhubungkait dengan penstrukturan sistem zon konservasi perairan taman marin sebagai satu isu ontologikal dianalisis secara epistemologikal dengan menggunakan alat-alat analitikal teori dan konsep sosiologi. Buku ini dibahagikan kepada lima bab utama dengan pengisian sub-bahagian yang memerihalkan komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara, penggazetan taman marin di Negara Malaysia dan Republik Indonesia sebagai satu kawalan sosial, konsep tafsiran



## BAB II KOMUNITI BAJAU-LAUT DI ASIA TENGGARA


### Pengenalan

Bab ini memerihalkan sejarah ringkas asal-usul perkembangan komuniti Bajau secara umum diikuti dengan huraian komuniti Bajau-Laut dalam aspek identiti yang memfokuskan terminologi (Saidatul Nornis Mahali 2013), gelaran (Halina Sendera 2007) dan dialek komuniti (Pallesen 1985; Yap Beng Liang 1983). Komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara tersebar luas di sekitar Sabah, Indonesia, dan Filipina dan kehidupan sosial anggota komunitinya adalah berkisarkan lautan dan perairan taman marin.

### Sejarah Perkembangan Komuniti

Tinjauan sejarah perkembangan komuniti Bajau-Laut Asia Tenggara, menunjukkan bahawa anggota komunitinya dahulu terkenal dengan gelaran *gipsi laut* atau suku nomad (Sopher, 1977). Data terbaik mengenai populasi Bajau di Asia Tenggara berdasarkan analisis taburan oleh Nagatsu (2010) yang diterbitkan pada tahun 2000. Anggaran orang Bajau membina penempatan di Filipina adalah sekitar 570,000 orang, manakala sejumlah 347,000 orang di Malaysia (khususnya Sabah) dan sejumlah 158,000 orang tersebar luas di Indonesia.

Setelah tahun 2000 dan sehingga kini, belum ada data terbaharu yang didokumentasi oleh penyelidik dan data rasmi negara tentang jumlah sebenar populasi Bajau-Laut di Asia Tenggara. Umumnya, komuniti Bajau mempunyai pelbagai kategori untuk membahagi-bahagikan lapisan susur galur anggota komunitinya. Misalnya, orang Samah-



## B A B III


# SISTEM ZON KONSERVASI PERAIRAN SEBAGAI ALAT SOSIAL

### Pengenalan

Program berkaitan sistem konservasi melalui inisiatif negara sedang membangun (NSM) terutamanya Asia Tenggara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina merupakan beberapa contoh negara yang mempunyai pendekatan khusus ke arah pengurusan sumber maritim dan persempadanan yang mapan (Burke et al. 2012). Ketiga-tiga negara tersebut dirasionalkan kerana telah menggariskan ruang Zon Eksklusif Ekonomi (ZEE) bagi kepulauan negara masing-masing (Acciaioli et al. 2017; Clifton 2015; Pedro et al. 2012). Di samping itu, NSM tersebut juga terlibat secara langsung dalam Inisiatif Segi-Tiga Terumbu Karang (*Secretariat of Coral Triangle Initiative* 2008). Bertitik tolak daripada isu-isu alam sekitar dan kemanusiaan di ketiga-tiga buah negara, bab ini memerihalkan aspek berkaitan dengan pembentukan sistem zon konservasi taman marin sebagai alat kawalan sosial, sistem zon konservasi taman marin di Asia Tenggara dan kepatuhan terhadap sistem zon konservasi.

### Kawalan Sosial dalam Komuniti

Istilah kawalan sosial atau *social control* dalam perspektif sosiologi sebenarnya bukanlah istilah baharu yang asing. Umumnya, kawalan sosial merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh pihak berkuasa atau masyarakat untuk mengawal dan mengurus tingkah laku serta interaksi sosial dalam masyarakat. Kawalan sosial berdasarkan sosiologi merujuk kepada cara tingkah laku, pemikiran dan penampilan



## B A B I V

# KONSEP SOSIOLOGIKAL TAFSIRAN AUTORITI DAN TAFSIRAN HARIAN

### **Pengenalan**

Menerusi penggunaan perspektif sosiologikal, pemerihaln bab ini mencuba untuk memahami fenomena sosial isu konservasi taman marin melalui pembentukan sistem zon konservasi perairan di kedua-dua buah negara. Fenomena sosial yang diutarakan dalam bab ini diterokai daripada tafsiran autoriti dan tafsiran harian. Umumnya, pemerihaln bab ini adalah berdasarkan hasil kajian lapangan mendekati komuniti Bajau-Laut yang berada di sekitar Taman Marin Tun Sakaran (TMTS) dan Taman Nasional Wakatobi (TNW). Penulisan bab ini disesuaikan dengan matlamatnya untuk meneliti pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang peraturan zon konservasi sebagai pembentuk kawalan sosial. Alat analitikal sosiologikal iaitu konsep tafsiran autoriti dan tafsiran harian digunakan sebagai landasan perbincangan.

### **Tafsiran Autoriti (*Authority-Defined*) terhadap Sistem Zon Konservasi Taman Marin**

Tafsiran autoriti atau *authority-defined* (AD) merupakan satu alat analisis dalam sosiologi. Shamsul A.B (1996) menggunakan konsep AD bagi menjelaskan hubungan sosial antara pemerintah dengan rakyat iaitu hubungan yang lebih kepada interaksi sosial bersifat dari atas bawah (*top-down*). Pemerintah mempunyai peranan sosial sebagai patron kepada rakyat yang berfungsi sebagai *client*. Sebagai patron dalam melaksanakan projek pembangunan/skim/program, pemerintah melalui peranan agensi pentadbir menggunakan doktrin untuk menerapkan nilai dan norma sosial kepada *client*.



## BAB V PENUTUP

### **Pengenalan**

Bab V merupakan bab akhir dalam buku yang terbahagi kepada beberapa bahagian. Bab ini dimulakan dengan merumuskan pengalaman penulis mendekati komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara dan diikuti dengan bahagian yang terkait dengan isu komuniti Bajau-Laut dari perspektif sosiologi persekitaran. Akhir sekali, bahagian yang mengetengahkan syor-syor penulis melalui bahagian *Leave No One Behind* iaitu pembangunan taman marin yang inklusif.

### **Pengalaman Mendekati Komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara**

Isu penerimaan dan pengetahuan anggota komuniti tentang sistem zon konservasi perairan signifikan diterokai daripada pelbagai bidang kajian kerana kawasan TMTS dan TNW telah digazet oleh agensi perlindungan marin (*Marine Protection Area*). Penggazetan bertujuan untuk memelihara 75% terumbu karang dan 40% spesis ikan yang mempunyai dimensi ekonomi yang tinggi disebabkan oleh lokaliti di dalam Segitiga Terumbu Karang (*Coral Triangle Initiative*). Tidak dinafikan bahawa sumber makanan komuniti juga bergantung kepada sumber marin iaitu habitatnya berlokasi di dasar lautan dan kawasan marin yang dilindungi. Dalam hal ini, pengetahuan komuniti tentang konservasi lautan yang masih terhad dan sering membawa kepada eksploitasi sumber marin.

Penerokaan kajian daripada pelbagai bidang tentang komuniti Bajau-Laut dapat diwakili dengan beberapa kajian seperti pembinaan

# R U J U K A N

- Abdul Halim Bandan. 1999. *Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat*. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.
- Aburto, J., Thiel, M. & Stotz, W. 2009. Allocation of effort in artisanal fisheries: the importance of migration and temporary fishing camps. *Ocean Coast Manag.* 52(12):646–654.
- Acciaioli, G., Brunt, H. & Clifton, J. 2017. *Foreigners Everywhere, Nationals Nowhere: Exclusion, Irregularity, and Invisibility of Stateless Bajau Laut in Eastern Sabah, Malaysia*. *Immigrant & Refugee Stud.* 15(3): 232-249.
- Adhuri, D. S. & Visser, L. E. 2007. Fishing in fishing out: transboundary issues and the territorialization of blue space. *Asia Pac Forum* 3(6):112–145.
- Adhuri, D. S. 2003. Does the sea divide or unite Indonesia? Ethnicity and regionalism from a maritime perspective. In: *Resource management in Asia-Pacific*. Working Paper No 48. The Australian National University (ANU), Canberra. 1–16.
- Affiff, S. & Lowe, C. 2007. *Claiming Indigenous Community: Political Discourse and Natural Resource Rights in Indonesia*. *Alternatives* 32:73–97.
- Akimichi, T. & Supriadi, D. 1996. *Marine Resource Use in the Bajau of North Sulawesi and Maluku, Indonesia*. *Senri Ethnological Studies* 42:105–119.

- Alan, S. 1978. *The Sociology of Literature: Applied Studies*. Literary Criticism University of Keele. England.
- Ali Basri, L., Mudana, I, W. & Rahman, A. 2017. The Negative Stigma against the Bajo Tribe and Its Impact on Local Culture: Study of the Bajo Tribe in Bungin Village of South Konawe. *Asian Culture and History* 9(2). 90-95.
- Allerton, C. 2014. Statelessness and the lives of the children of migrants in Sabah, East Malaysia. *Tilburg Law Rev. J Int Eur Law*. 19(1):26–34.
- Andreas, T. 2015. *The Semiotic of Bangkai-Bangkaian: A Special Space for the Spirit*. International Conference on Mediterranean Studies. Athens, Greece.
- Annet, P. & Verschoor, G. M. 2017. *Amphibious Encounters: Coral and People in Conservation Outreach in Indonesia*. Engaging Science, Technology and Society.
- Anon. Semporna: A Dangerous District. *Daily Express*, 16 July 2013.
- Anon. Simunul Residents to be Relocated to Two New Settlements in Stages. *Daily Express*, 13 September 2013.
- Anon. Sulu Terrorists Could Return. *Borneo Insider*, 11 July 2013.
- Archer, M. S. 2003. *Structure, Agency and the Internal Conversation*. University Of Warwick. Cambridge Press.
- Asnarulkhadi, A. S. & Fariborz, A. 2009. People's Participation in Community Development: A Case Study in a Planned Village Settlement in Malaysia. *World Rural Observations* 1(2):45-54.
- Asnarulkhadi, A. S., Maryam, A. S. & Roozbeh, B. H. 2012. Factors Affecting Educational Tourism Development among Local Communities in the Klang Valley, Malaysia. *Life Science Journal* 9(4): 3298-3303.
- Astro Awani. Video. Pencerobohan Di Sabah: Perlu Kajian Sosiologi. Dlm Siaran Berita Segenap Dimensi. [15 Julai 2016].

# Komuniti Bajau Laut

## dan Tafsiran ke Atas Zon Konservasi Taman Marin

Agenda Pembangunan Lestari 2030 (SDGs) melalui strategi ke 14 *Live Below Water* iaitu inisiatif *Small Island Development Goals* 2014 (SIDGs) amat kurang diteliti melalui perspektif komuniti Bajau-Laut di Asia Tenggara khususnya dalam kajian sosiologi persekitaran. Sehubungan itu, penulisan bertujuan meneliti pengetahuan komuniti Bajau-Laut tentang peraturan zon konservasi perairan sebagai pembentuk kawalan sosial. Kajian melibatkan sampel komuniti Bajau-Laut di Taman Marin Tun Sakaran (Sabah, Malaysia) dan Taman Negara Wakatobi (Sulawesi Tenggara, Indonesia).

Hasil kajian memperlihatkan wujud dua realiti sosial yang berbeza tentang tafsiran pengetahuan berkaitan peraturan zon konservasi antara komuniti Bajau-Laut (Malaysia-Indonesia) dengan pihak berkuasa. Dari sisi tafsiran autoriti, komuniti Bajau-Laut mengetahui peranan struktur agensi taman marin menguatkuasakan peraturan zon konservasi sebagai alat kawalan sosial membendung amalan memancing yang tidak lestari dan aktiviti rentas sempadan yang semakin terhad.

Dari sisi tafsiran harian, interaksi sosial antara komuniti Bajau-Laut mewujudkan pemahaman yang berbeza-beza tentang pelaksanaan peraturan sistem zon konservasi meliputi zon memancing, zon larangan, zon kegunaan umum yang berada pada tahap sederhana. Kesimpulannya, takrifan autoriti kelestarian taman marin perlu difahami dengan jelas sebagai pembentuk kawalan sosial kepada anggota komuniti. Berbanding dengan takrifan harian yang mempunyai percanggahan kerana diproses melalui interaksi sosial oleh kedua-dua komuniti Bajau-Laut di Malaysia dan Indonesia. Oleh demikian, pemerihalan buku ini penting untuk penambahbaikan dasar dan amalan pengurusan taman laut di negara masing-masing.



ISBN 978-629-490-027-1



9 786294 900271

Sila imbas kod untuk  
maklumat lanjut

